



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA(I)S.178/1/5-9/3 Klt.2 ( 1 )  
Tarikh : 4 September 2019/ 4 Muharram 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/ Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2020**

- (i) SCHOOL OF GOVERNMENT
- (ii) LAW
- (iii) SCHOOL OF LOCAL GOVERNANCE

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa *Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology* (MEXT), Jepun menawarkan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian Sarjana di Jepun di bawah program *Japanese Government (Monbukagakusho: MEXT) Young Leaders' Programme (YLP) Scholarships For 2020*. Tawaran biasiswa ini adalah dalam bidang **School of Government, Local Governance dan Law**.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memohon program ini. Maklumat permohonan dan pencalonan adalah seperti berikut:

- (i) Tarikh permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah bermula pada **4 September** sehingga **18 September 2019**; dan



- (ii) Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **25 September 2019**; dan
4. Maklumat lanjut berkaitan syarat dan tatacara permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1**. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam **4 salinan dokumen yang lengkap (1 salinan asal dan 3 salinan fotostat)** ke Jabatan ini di alamat:
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA.**  
**(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**
5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian: 03-8885 3546 atau emel: [ldp@jpa.gov.my](mailto:ldp@jpa.gov.my).
6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD SHAZRIZAL BIN SAFRI)**  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

## LAMPIRAN I

### SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN PROGRAM JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2020

#### 1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (b) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** semasa tarikh tutup permohonan.
- (c) Mempunyai pengalaman/ tempoh perkhidmatan seperti berikut:

Bidang	Tempoh Perkhidmatan Minimum (sehingga 1 Januari 2019)
<i>School of Government</i>	3 tahun
<i>School of Local Governance</i>	3 tahun
<i>Law</i>	4 tahun pengalaman dalam hal ehwal yang berkaitan dengan undang-undang.

- (d) Berumur **tidak melebihi 40 tahun pada 1 Oktober 2020** (lahir pada atau selepas 2 Oktober 1980);
- (e) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik (markah minima TOEFL 550/TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf);
- (f) Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata **85 markah ke atas** bagi tempoh **genap 3 tahun** **skim perkhidmatan** terkini berturut-turut (2016, 2017 & 2018). Penilaian setahun LNPT **wajib genap 12 bulan**;
- (g) Telah mengisyiharkan harta;
- (h) Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (i) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;

- (j) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (k) Kursus yang diikuti adalah **berkaitan** dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (l) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;
- (m) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (n) Tidak berkhidmat dalam angkatan tentera;
- (o) Memiliki tahap kesihatan yang baik serta bebas daripada penyakit berjangkit; dan
- (p) Memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengajian Kerajaan Jepun seperti di Garis Panduan Permohonan.

## 2. Tatacara Permohonan / Pencalonan

### 2.1 Tanggungjawab Pegawai

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di laman web JPA di <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 4 September hingga 18 September 2019**.

2.1.2 **Borang permohonan yang telah lengkap diisi** hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 - (**Lampiran B**);
- (ii) Perakuan Ketua Jabatan - (**Lampiran C**);
- (iii) *Application Form (School of Government/ Law/ School of Local Governance)* dengan gambar passport berukuran 6 x 4 cm;
- (iv) 2 Set *Recommendation Forms* (1 daripada *direct superior* dan 1 daripada Ketua Jabatan/ Pensyarah yang menyelia semasa Ijazah Pertama);
- (v) *Certificate of Health*;
- (vi) Questionnaire/ Esei;
- (vii) Salinan Kad Pengenalan;
- (viii) Salinan Ijazah Pertama/ kelulusan yang setaraf dengannya
  - Skrol dan transkrip rasmi DALAM BAHASA INGGERIS/ diterjemahkan secara rasmi ke Bahasa Inggeris (sila rujuk Garis Panduan Permohonan);
- (ix) Salinan pasport;
- (x) Salinan bukti penguasaan Bahasa Inggeris (TOEFL/ TOEFL-iBT/ IELTS/ setaraf);
- (xi) Dokumen-dokumen lain yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan Permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship (School of Government/ Law/ School of Local Governance)*.

Semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan dalam **4 salinan dokumen yang lengkap (1 salinan asal dan 3 salinan fotostat)**.

- 2.1.3 Bagi pegawai **Perkhidmatan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing. Bagi pegawai **Perkhidmatan Bukan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Perkhidmatan masing-masing.
- 2.1.4 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Kementerian atau Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

## **2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan**

- 2.2.1** Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.**
- 2.2.2** Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan hendaklah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 2.1.2**.